



KENYATAAN MEDIA
26 DISEMBER 2023

99% PENGGUNA DOMESTIK DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH TIDAK TERJEJAS DENGAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2024

PUTRAJAYA, 26 Disember 2023 – Berikutan arahan daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (Kementerian), Suruhanjaya Tenaga membuat pengumuman ini, untuk dan bagi pihak Kementerian seperti berikut:

Pihak Kerajaan pada 13 Disember 2023 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (*Imbalance Cost Pass-Through* – ICPT) dilaksanakan secara **penyasaran semula subsidi** bagi pengguna NUR Power Sdn. Bhd. di Kulim Hi-Tech Park, Kedah (KHTP) untuk tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024 seperti berikut:

- i. pengguna domestik (tarif N1) dengan penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kWj dan ke bawah ($\leq 1,500$ kWj) **tidak dikenakan sebarang surcaj**;
- ii. pengguna domestik (tarif N1) dengan penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj ($> 1,500$ kWj) akan **dikenakan surcaj** pada kadar 6.50 sen/kWj; dan
- iii. pengguna **bukan** domestik akan **dikenakan surcaj** pada kadar 6.50 sen/kWj.

Berdasarkan keputusan ini, sejumlah **99 peratus atau 5,159 pengguna domestik di KHTP tidak terjejas** dengan pelarasan tarif elektrik dan menerima subsidi daripada Kerajaan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, Kerajaan turut memutuskan supaya kos tampungan surcaj sebanyak **RM0.73 juta** dibiayai menggunakan dana Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

*****TAMAT*****

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.